

**Kempen Konvensional Lebih Berkuasa Tarik Sokongan Di PRK Kuala Besut
Bernama
19 Julai, 2013
Oleh Mohd Yusof Shaari**

KUALA BESUT, 19 Julai (Bernama) -- Kempen menambat hati pengundi dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut bermula secara rasmi sebaik sahaja selesai penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu 12 Julai lepas.

Tempoh 12 hari berkempen yang ditetapkan adalah selaras dengan hak demokratik kepada calon, biarpun hakikatnya perjalanan memikat pengundi telah bermula sejurus kerusi itu disahkan kosong berikutan kematian penyandanginya Dr A. Rahman Mokhtar pada 26 Jun lepas.

Dengan mood dan aura Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13), 5 Mei lepas, masih terasa, dua calon bertanding tentunya bekerja keras dari awal pagi sehinggalah ke dinihari berkempen bagi meyakinkan pengundi akan kewajaran memberi tanggungjawab kepada mereka.

Tidak kira apa platform sekalipun, strategi yang diterapkan sepanjang lapan hari ini pastinya akan ditambah giat atau semakin agresif dalam menggunakan kesempatan yang ada sebelum menuju detik akhir 'penghakiman' pada 24 Julai ini.

Sepertimana pilihan raya sebelum ini, segala medium yang boleh berfungsi menarik sokongan seperti penggunaan blog, Facebook dan Twitter telah digunakan dengan meluas tanpa meminggirkan landasan konvensional berupa ceramah, poster, pemasangan bendera, pemberian risalah dan juga 'turun padang'.

Walaupun penggunaan dan impak media sosial kian terserlah keperluannya, namun hakikatnya kempen secara konvensional dilihat mempunyai kuasa tarikan lebih hebat dalam menawan serta mempengaruhi hati 17,683 pengundi di DUN Kuala Besut, yang kebanyakan terdiri daripada golongan nelayan.

Tidak berniat melabelkan 22,986 penduduk di kawasan kampung berkeluasan 41 kilometer persegi itu sebagai 'tidak celik IT', perbualan Bernama bersama sebahagian mereka merumuskan pengundi lebih selesa memperoleh informasi berkaitan pilihan raya itu secara terus menerusi pentas konvensional.

Bagi mereka maklumat yang diperoleh secara terus sama ada menerusi ceramah atau bersemuka dengan calon ketika aktiviti turun padang lebih ikhlas dan mempunyai 'nilai sentimental' tersendiri, yang mampu membentuk kecenderungan dalam memberikan sokongan.

"Kami yang terdiri dari generasi lama memang tidak kisah dengan maklumat yang ada di laman sosial, dan bagi kami, ceramah dan turun padang bersemuka dengan pengundi adalah satu bentuk kempen lebih bermakna," kata Deraman Jusoh, 52.

Beliau yang ditemui pada majlis Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani bersama penduduk di Kampung Nail, baru-baru ini, berkata pendekatan turun padang dan lawatan rumah ke rumah lebih memberi makna kerana menerusinya masyarakat kampung dan pengundi akan mengenali calon yang bertanding dengan lebih dekat.

Tips serupa turut dikongsi Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir yang

menyifatkan kempen pada pilihan raya kecil lebih menuntut sentuhan peribadi calon, berbanding pendekatan berceramah secara agresif sehingga memaki hamun parti atau pihak lawan.

Pendekatan bertanya khabar, bersalam dan menyertai aktiviti bersama masyarakat serta lawatan rumah ke rumah mampu menyerlahkan lagi keperibadian sebenar calon di mata pengundi, katanya ketika ditemui semasa turun membantu kempen calon Barisan Nasional (BN) di sekitar Kampung Lampu dan Kampung Nangka di sini.

Sungguhpun dilihat sebagai agak ketinggalan, kempen secara konvensional sebenarnya memberi banyak kelebihan kepada calon dalam pilihan raya yang mana majoritinya adalah pengundi Melayu seperti di Kuala Besut kerana sentuhan nurani lebih dinilai pengundi berbanding paparan di skrin komputer, telefon pintar mahupun surat khabar.

Maka tidak hairanlah, Umno dan PAS menerusi calon masing-masing Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman dan Azlan Yusof dilihat berada di segenap pelusuk kampung bagi menyantuni seramai mungkin pengundi.

"Tidak kisahlah walaupun ia hanya sekadar bertanya khabar dan bersalam, kaedah ini akan meleraikan sempadan pemisah antara calon dan pengundi, dan lebih penting berupaya mengelakkan fitnah dan kejian terhadap lawan," kata Tengku Zaihan.

Kedua-dua calon juga mengakui kempen secara konvensional dari rumah ke rumah cukup penting, malah ia menjadi 'senjata' ampuh dalam mencairkan pengundi terutamanya mereka yang telah membuat keputusan siapakah calon yang akan dipilih menjadi wakil rakyat nanti.

Walaupun dibantu dengan kempen oleh para penceramah, gantungan banner dan bendera parti silang menyilang mewarnai seluruh kawasan pilihan raya, hakikatnya kempen di Kuala Besut hanya tertumpu kepada saingan 'sentuhan peribadi' siapa yang lebih terkesan kepada pengundi.

Memandangkan Abe Ku dan Che Long diakui masyarakat sebagai calon tepat bagi mewakili parti masing-masing berdasarkan kriteria 'anak ustaz, professional, ore muda dan mudah bbaso sene kkiro' persaingan pada baki enam hari terakhir kini tentunya tertumpu kepada menguasai hati pengundi melalui sentuhan peribadi yang dilakukan.

Hari pengundian 24 Julai ini menyaksikan Tengku Zaihan, bekas jurutera di Jabatan Pengairan dan Saliran ditentang Azlan seorang ahli perniagaan yang memiliki lesen kontraktor Kelas A.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964698>